


# KUIZ SAINS ALAM SEMULA JADI

Paiman bin Bawon, Fakulti Perhutanan

Ogos 21, 1998 - Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan Pertandingan Kuiz Sains Alam Semula Jadi 1998 Peringkat Kebangsaan bagi pelajar sekolah menengah baru-baru ini di Kampung Buku, Langkawi. Pertandingan ini merupakan salah satu aktiviti dalam program penggalakkan sains dan teknologi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pasukan Negeri Kelantan yang diwakili oleh Ahmad Afifi Ismail, Hafeez Abdul Alim dan Ahmad Karami Ismail telah berjaya menjadi johan, manakala tempat kedua disandang oleh Sarawak dan ketiga Pulau Pinang. Dua negeri lain yang bertanding ialah Melaka dan Kedah. Johan pasukan telah menerima Piala Pusingan ESSO, replika iringan, wang tunai RM150 seorang, sijil penyertaan dan wang tunai 1250 untuk sekolah.



*Berjaya ... peserta kuiz dari Negeri Kelantan menerima hadiah dari Tan Sri Dato' Seri Sanusi bin Junid, Menteri Besar Kedah.*

Perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Sanusi bin Junid, Menteri Besar Kedah. Dalam ucapannya beliau yakin usaha murni penganjuran kuiz seperti ini boleh menanamkan minat membaca dan rasa sayang terhadap alam semula jadi di samping mengembangkan ilmu pengetahuan mengenainya.

Pertandingan kuiz ini telah masuk tahun ke-20 dan mendapat penajaan utama dari Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar dan Syarikat-Syarikat ESSO Malaysia.